

**Bagai ayam tanpa kepala, buku Pak Lah ceritakan suasana di Seri Perdana
Free Malaysia Today
Nov 1, 2016**

Ia menyorot kembali suasana pilu menyelubungi kediaman rasmi perdana menteri sehari selepas kekalahan BN pada 2008.

PETALING JAYA: Sehari selepas pilihan raya umum ke-12 pada 8 Mac, 2008, pemimpin dan penyokong Umno dan Barisan Nasional (BN) berkumpul di kediaman rasmi perdana menteri di Putrajaya, kebanyakan mereka tergamam dan terkejut dengan kemenangan pembangkang, menurut buku terbaharu menceritakan pengalaman hidup Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Malah, buku "Being Abdullah Ahmad Badawi" oleh wartawan veteran Wong Sulong yang dilancarkan semalam memetik seorang yang rapat dengan Abdullah sebagai berkata mereka seakan-akan ayam tanpa kepala.

Pada 2008, BN buat pertama kali dalam sejarah hilang majoriti 2/3, berdepan gabungan parti pembangkang yang terdiri daripada PKR, DAP dan PAS yang membentuk kerajaan campuran di Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Selangor, 4 tahun selepas Abdullah, lebih dikenali Pak Lah, memulakan tugas perdana menteri dengan mendapatkan kemenangan unggul kepada BN.

"Berpusu-pusu mereka datang hinggakan pelawat terpaksa diiring ke dewan makan yang lebih besar dan terletak di bahagian bangunan lain, bersama dengan sajian ringan, khabar angin dan gosip," kata Wong menceritakan keadaan di Seri Perdana, sehari selepas pilihan raya.

Menurutnya, suasana ketika itu "suram", memetik seorang pembantu Pak Lah yang menggambarkan hadirin bagaikan "ayam tanpa kepala, menggigil ketakutan dan putus harapan".

Naratif Wong juga seiring dengan kisah bekas wartawan Datuk Seri Kalimullah Hassan, dalam bukunya "The Malaysia That Could Be" yang menceritakan bagaimana Pak Lah bertegas meminta ahli Umno menerima keputusan pilihan raya serta memastikan peralihan kuasa yang teratur di sebalik jegilan mata pimpinan BN lain.

"Adakala kita menang, adakala kita kalah," kata Kalimullah memetik Pak Lah memberitahu beberapa pemimpin Umno di ibu pejabat Umno pada malam keputusan pilihan raya.

Wong dalam bukunya turut memetik seorang pembantu, yang memetik Pak Lah berkata: "Kita perlu terima keputusan ini dan meneruskan perjalanan. Mari kita laksana janji yang tidak kita tunaikan sebelum ini'.

“Kata-kata Abdullah itu tidak disenangi ramai pimpinan Umno dan mereka mulai langkah untuk menyingkirkan beliau,” katanya.

Pak Lah meletak jawatan sebagai perdana menteri pada September 2009, kurang 6 tahun selepas mengambil alih tampuk kepimpinan daripada Tun Dr Mahathir Mohamad, yang mengepalai kempen menggantikan beliau dengan timbalannya, Datuk Seri Najib Razak.

Biografi Pak Lah oleh Wong itu dilancarkan semalam oleh Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah, dan merupakan memoir pertama perdana menteri ke-5 itu.

Sultan Nazrin dalam ucapan baginda memuji Pak Lah sebagai seorang “abang” dan berharap beliau memanfaatkan persaraannya dengan memberi nasihat dan panduan berkenaan isu nasional.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/01/bagai-ayam-tanpa-kepala-buku-pak-lah-ceritakan-suasana-di-seri-perdana/>